

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	14 JUNE 2016

PM mahu media bantu capai agenda

BH-14/6/2016

→ Peranan sangat penting sampaikan berita benar, tepat

Oleh Ahmad Suhael Adnan
ahmad.suhael@bh.com.my

✦ Kuala Lumpur

Datuk Seri Najib Razak mahu pengamal media, termasuk media sosial membantu kerajaan memajukan negara serta memakmurkan rakyat, sekali gus mencapai agenda besar untuk negara.

Perdana Menteri berkata, peranan media sangat penting khususnya jika berpaksikan penyampaian berita yang tepat, benar dan bertanggungjawab sebagai pegangan utama.

Sebaliknya, katanya, media yang bermatlamat menjaja kisah buruk semata-mata untuk menjual berita, tidak berkhidmat kepada negara, selain menyukarkan kerajaan melaksanakan tugas

membantu rakyat.

“Soalnya bukan semata-mata kerajaan, tetapi pokoknya kita nak membangunkan dan membawa negara ke hadapan dan dalam proses itu, tahap pemikiran rakyat juga mesti dididik supaya rakyat ada nilai intelektual.

Tanggungjawab bersama

“Itu tanggungjawab bersama, bukan semata-mata menghangatkan sesuatu, sensasikan berita, apatah lagi berita palsu. Jika itu matlamat media, maka kita tidak menyumbang kepada negara,” katanya ketika berucap pada Majlis Berbuka Puasa Perdana Menteri Bersama Media di Utusan Melayu (Malaysia) Berhad di sini, semalam.

Yang turut hadir, isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor; Menteri Komunikasi dan Mul-

timedia, Datuk Seri Dr Salleh Said Keruak dan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Abdul Rahman Dahlan.

Pengerusi Eksekutif Utusan Melayu, Tan Sri Mohamad Fatmi Che Salleh; Pengarah Urusan Kumpulan Media Prima Berhad, Datuk Seri Amrin Awaluddin; Ketua Pegawai Eksekutif The New Straits Times Press (M) Bhd (NSTP), Datuk Mohammad Azlan Abdullah; Pengarang Urusan Kumpulan NSTP, Datuk Abdul Jalil Hamid; Pengarang Kumpulan BH, Datuk Mahfar Ali; Ketua Pengarang Kumpulan Utusan Melayu, Datuk Abdul Aziz Ishak dan Timbalan Pengarang Kumpulan BH, Datuk Badrulhis-ham Othman.

Hampir 1,000 pengamal media termasuk blogger dan media sosial terbuka puasa bersama Perdana

Menteri, yang kemudian menunaikan solat Maghrib dan Tarawih.

Najib berkata, media perlu memahami peranan masing-masing di dalam negara, seperti mana kerajaan memahami dan menghormati peranan media.

“Dalam zaman sekarang, jika kita gunakan Akta Komunikasi Multimedia 1998 (untuk) ambil tindakan penguatkuasaan (terhadap media), kerajaan akan dituduh sebagai terlalu autokratik dan diktatorial.

“Sebaliknya jika tidak dikuatkuasa, berlaku sewenang-wenangnya (penyebaran) cerita (palsu), akhirnya rakyat rosak dan negara punah. Kita mesti ada keseimbangan. Kerajaan faham tugas media, media juga faham tugas media... tidak wujud kebebasan mutlak,” katanya.